

**MAJLIS PERJUMPAAN YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP
MENTERI PELAJARAN BERSAMA WARGA PENDIDIK SEKOLAH JENIS
KEBANGSAAN TAMIL KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

08/04/2013

SJK(T) SIMPANG LIMA, TAMAN SRI ANDALAS, KLANG SELANGOR

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh, Selamat Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi puji dan syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnia serta izinNya dapat saya bersama-sama dalam majlis yang amat bermakna ini. Saya merasa amat berbesar hati dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan serta terima kasih kepada semua yang hadir dan memberi saya kesempatan untuk memberi ucapan khusus kepada warga pendidik dari Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Terima kasih juga kepada tuan rumah dan pihak penganjur yang bertungkus lumus menjayakan majlis pada hari ini.

Tuan / Puan yang dihormati sekalian,

2. Pembangunan modal insan yang cemerlang, berilmu pengetahuan, berkemahiran dan memiliki sahsiah yang tinggi merupakan agenda penting dalam sistem pendidikan negara. Sesuai dengan keadaan negara kita yang majmuk, Kerajaan tidak menumpukan pembangunan modal insan hanya untuk kelompok tertentu sahaja, tetapi merangkumi seluruh lapisan masyarakat tanpa mengira kaum, etnik, agama dan bangsa. Oleh itu, langkah mentransformasikan pendidikan ke arah yang lebih berkualiti melalui perluasan akses dan ekuiti pendidikan di segenap lapisan masyarakat telah menjadi salah satu agenda penting negara dalam menuju ke arah negara maju berpendapatan tinggi.

3. Justeru, transformasi pendidikan yang telah direncanakan tidak akan hanya menumpukan kepada proses pembelajaran dan pengajaran (p&p) semata-mata, tetapi apa yang lebih penting adalah proses kemenjadian murid itu sendiri, agar matlamat membangunkan modal insan rakyat Malaysia yang mapan dapat direalisasikan.

4. Kerajaan melalui Kementerian Pelajaran telah mula mengorak langkah drastik, yang dilakukan melalui pelbagai pendekatan dan kaedah. Ini bertujuan untuk melahirkan modal insan cemerlang, yang sentiasa mengamalkan nilai moral serta etika yang tinggi dan mampu memenuhi kehendak pasaran. Melalui pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang bermula pada tahun ini sehingga 2025, sistem pendidikan negara akan melalui satu proses transformasi di bawah 1 Agenda pendidikan negara, yang kita harapkan dapat menghasilkan satu perubahan yang signifikan dan sentiasa relevan dengan kehendak semasa. Justeru, peranan semua pihak terutama warga pendidik di semua peringkat harus terus dipertingkatkan ke tahap yang lebih progresif dan efektif.

Tuan / puan yang dihormati sekalian,

5. Ingin saya tegaskan di sini bahawa prestasi dan kecemerlangan pembangunan modal insan seharusnya dilonjakkan dan diletakkan ditempat yang sepatutnya. Ini kerana jika kita masih berada di tahap lama, pastinya matlamat menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju berpendapatan tinggi tidak dapat dicapai. Oleh itu, bagi memastikan masa depan yang lebih cerah dan gemilang untuk semua anak Malaysia, tanpa mengira kaum, keturunan, latar belakang dan apa juga aliran sekolah di mana mereka berada, kita harus berkerja dengan lebih gigih dan bersatu padu tanpa meminggirkan mana-mana pihak.

6. Dalam konteks ini, adalah menjadi tanggungjawab semua warga pendidik, agar bersama-sama menggembling tenaga dan berusaha bersungguh-sungguh demi memastikan segala perancangan yang dilaksanakan dengan teratur dan berkesan. Oleh yang demikian, saya yakin dengan sokongan padu saudara dan saudari sekalian, aspirasi dan hasrat 1 Agenda pendidikan yang direncanakan akan dapat direalisasikan.

7. Saya juga menyeru kepada semua pihak yang berkepentingan seperti PIBG, Lembaga Pengelola Sekolah (LPS), sektor swasta, komuniti, NGOs dan seluruh anggota masyarakat bersama-sama memainkan peranan masing-masing dalam membantu Kerajaan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

Tuan / puan yang dihormati sekalian,

STATUS TERKINI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL (SJKT)

8. Mengikut rekod, bilangan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di seluruh negara adalah 523 buah, terdiri daripada 155 buah Sekolah Bantuan Penuh dan 368 Sekolah Bantuan Modal. Manakala, bilangan guru sehingga Januari 2013 pula adalah 9,183 orang dalam pelbagai opsyen dengan jumlah enrolmen murid seramai 92,919 orang murid tidak termasuk murid prasekolah. Setakat ini, jumlah guru yang berada dalam sistem masih mampu untuk memastikan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (p&p) di semua SJKT dapat dijalankan dengan baik.

9. Namun, bagi menampung keperluan guru di SJKT, Kementerian telah mengambil tindakan iaitu melantik Guru Interim sehingga guru tetap dapat ditempatkan di sekolah-sekolah berkenaan dari masa ke semasa. KPM juga telah mengambil pendekatan bahawa pengajaran subjek BM dan BI bagi Tahap 1 diajar oleh guru berkelayakan dwibahasa, manakala bagi Tahap 2, mata pelajaran BM dan BI wajar diajar oleh guru opsyen BM dan BI di SJKT. Pendekatan ini selaras dengan Dasar MBMMBI yang telah kita laksanakan mulai tahun 2009 bagi meningkatkan lagi penguasaan kedua-dua bahasa di peringkat sekolah rendah, dan dalam masa yang sama masih mengekalkan identiti serta bahasa pengantar utama di sekolah berkenaan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

10. Sebagai usaha untuk memastikan semua pihak mendapat ekuiti yang sama, pelbagai bentuk peruntukan dan insentif telah disediakan kepada semua sekolah termasuklah SJKT. Sejak tahun 2008 sehingga 2012, sejumlah RM 2.96 Bilion telah diperuntukan kepada semua SJKT yang merangkumi RM 2.67 Billion bagi perbelanjaan mengurus dan RM 290 Juta untuk pembangunan.

11. Selain itu, pelbagai bentuk bantuan juga disediakan kepada murid seperti Bantuan Geran Perkapita, Bantuan Makanan Prasekolah, Bantuan Kokurikulum Sekolah, Bantuan sukan, Elaun Murid Berkeperluan Khas, KWAPM, Rancangan Makanan Tambahan, Bantuan Khas Awal Persekolahan dan pelbagai kemudahan lain bagi mereka yang layak diberikan.

12. Semua peruntukan yang disediakan ini adalah untuk memastikan keperluan dan pembangunan yang sama rata untuk semua sekolah. Hakikatnya, tidak timbul persoalan bahawa telah berlaku ketidakadilan kerana jumlah peruntukan yang disediakan bagi setiap SJKT sama seperti yang dinikmati oleh sekolah-sekolah yang lain. Sebagai tambahan pada tahun ini, dibawah peruntukan khas, sejumlah RM 100 Juta lagi diperuntukkan bagi menampung keperluan penambah-baikkan dan penyelenggaraan SJKT seluruh negara. Kita sedar SJKT adalah sebahagian dari sistem pendidikan negara, oleh itu peningkatan prestasi sekolah-sekolah ini akan terus ditingkatkan sama seperti sekolah-sekolah lain di negara ini.

13. Saya juga ingin merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri kerana telah pun bersetuju untuk membina enam (6) buah lagi SJKT bagi menampung keperluan bilangan murid yang semakin bertambah di sesetengah kawasan penempatan. Sekolah-sekolah tersebut seperti yang telah diumumkan adalah tiga (3) buah di Selangor, sebuah di Perak, sebuah di Kedah dan sebuah di Johor. Semua sekolah ini akan diberikan status sebagai sekolah kerajaan.

Tuan / Puan yang dihormati sekalian,

14. Kerajaan melalui KPM juga sentiasa berusaha untuk memastikan pendidikan yang terbaik dapat disediakan untuk setiap kanak-kanak termasuk di SJKT. Namun demikian, terdapat juga faktor-faktor yang menghalang kita untuk meningkatkan lagi prestasi pengurusan dan sebagainya. Ini termasuklah faktor penurunan enrolmen di sesetengah SJKT di atas sebab-sebab tertentu seperti penghijrahan ibu bapa ke kawasan bandar dari kawasan ladang dan seumpamanya. Sekolah-sekolah ini yang dikategorikan sebagai Sekolah Kurang Murid (SKM), sebenarnya tidak ekonomik untuk diteruskan kerana melibatkan kos pengoperasian dan penyelenggaraan yang tinggi. Jika dibuat perbandingan, kos penyelenggaraan SKM adalah tujuh (7) kali lebih tinggi berbanding dengan sekolah harian biasa. Manakala, kos pengurusan meningkat mendadak apabila nisbah guru dan murid yang rendah pada kadar 1:6 berbanding purata kebangsaan iaitu 1:13.

15. Berdasarkan kepada rekod, terdapat sebanyak 298 buah SJKT termasuk dalam kategori SKM. Justeru, selari dengan Pelan Pendidikan Pembangunan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025, beberapa inisiatif telah diambil untuk menilai secara komprehensif semua sekolah di bawah kategori SKM termasuk SJKT. Antara cadangan dan langkah yang sedang diteliti termasuklah melaksanakan penggabungan dan penempatan semula ke kawasan yang lebih baik dan mempunyai tumpuan penduduk. Pendekatan ini bertujuan untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran (p&p) serta pengurusan pengoperasian sekolah akan dapat dipertingkatkan dengan lebih baik dan lebih cekap. Namun, perkara ini perlu diteliti dengan lebih mendalam sebelum dilaksanakan dan memerlukan sokongan dan persetujuan semua pihak yang berkepentingan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

PERANAN GURU DAN LPS DALAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN NEGARA

16. Dalam memastikan keberkesanan dan kelestarian transformasi sistem pendidikan negara, setiap pihak yang terlibat mestilah memahami peranan yang harus dimainkan dan manfaat yang akan diperoleh. Saya yakin guru di SJKT yang berada dihadapan saya dan di luar sana merupakan guru yang amat komited dalam melaksanakan tugas dan amanah yang diberikan bagi memastikan modal insan yang ingin kita lahirkan merupakan insan yang berdaya saing, berakhlak mulia dan bersemangat waja. Saya berharap guru bukan sahaja menyampaikan ilmu dan memastikan murid mempunyai pembelajaran yang kaya dari segi akademik, tetapi juga memiliki sahsiah terbaik untuk membolehkan mereka berjaya dalam kehidupan setelah meninggalkan alam persekolahan nanti.

17. Dalam masa yang sama, usah juga kita lupa kepada Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) yang bukan sahaja sebagai pemilik bangunan dan tapak sekolah bagi sekolah-sekolah bantuan kerajaan, tetapi juga sumbangan yang telah dicurahkan dalam usaha meningkatkan lagi prestasi sekolah. Kerajaan selama ini tidak pernah menafikan peranan LPS sebagai sebuah organisasi yang turut membantu mencerna dan mencorakkan pembangunan modal insan dan prestasi sekolah.

18. Oleh itu, saya menyeru agar kerjasama padu yang telah terjalin antara guru, pengurusan sekolah dan LPS diterus dan ditingkatkan agar matlamat untuk melahirkan modal insan yang terbaik mampu direalisasikan. Saya difahamkan sehingga kini hanya terdapat 16 buah SJKT berada di tahap prestasi yang rendah. Usaha berterusan akan terus dilaksanakan oleh Kerajaan melalui NKRA pendidikan di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) bagi melonjakkan lagi prestasi sekolah berkenaan ke tahap yang lebih tinggi pada masa akan datang.

19. Sebagai rekod, melalui inisiatif ini, sebanyak 43.6 peratus sekolah yang berprestasi rendah (band 6 dan 7) pada tahun 2011 dapat dilonjakkan prestasinya ke kedudukan yang lebih baik pada tahun 2012. Oleh itu, saya dapat menjangkakan bahawa prestasi semua sekolah akan terus dapat ditingkatkan melalui program atau inisiatif yang telah dan akan dilaksanakan oleh KPM pada masa akan datang.

Tuan / Puan yang dihormati,

20. Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga pendidik yang telah berusaha bersungguh-sungguh dalam melaksanakan tugas dan amanah yang telah diberikan. Saya juga menyeru agar semua warga pendidik bersama-sama menggembling tenaga untuk melonjakkan lagi prestasi dan kualiti pendidikan ke tahap yang lebih tinggi serta memastikan anak-anak yang dididik memperoleh kecemerlangan dan berjaya.

21. Oleh itu, marilah bersama-sama berganding bahu mencari kata sepakat untuk memastikan modal insan yang dilahirkan mempunyai daya saing yang tinggi, berilmu pengetahuan, berakhlak mulia serta memiliki semangat patriotik sebagai warganegara yang terpuji.

Wabillahi al-Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Sekian, terima kasih.